



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 27 FEBRUARI 2024**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	GOAL OF MADANI RAKYAT EVENT ACHIEVED, NATIONAL, THE SUN-2 CABARAN TANGANI ISU BERAS PUTIH TEMPATAN, RENCANA, UM-14 "FOCUS ON LONG-TERM FOOD SECURITY", NATION, NST-6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4.	EL-NINO TIDAK JEJAS SEKTOR PERIKANAN DI PULAU PINANG, DALAM NEGERI,UM-35	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
5. 6. 7.	'GADIS ANGGUR' TOLAK BELAJAR DI IPT, DALAM NEGERI,UM-31 PRICE CATCHER JUGA GAGAL KESAN BERAS TEMPATAN, DALAM NEGERI,UM-6 PADI TAK JADI!, LOKAL,HM-16	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Goal of Madani Rakyat event achieved

KUALA SELANGOR: The Central Zone *Madani Rakyat* programme held at the Kuala Selangor Sports Complex successfully achieved its goal of popularising government policies, initiatives and services among the rural community.

According to the organising

secretariat, the programme which ended on Sunday, recorded a total of 127,000 visitors over the three days it took place, surpassing the initial target of 100,000.

The presence of so many people from rural areas at the event is a manifestation that there is no gap in

the delivery of government services.

The programme, which is a continuation of the *Madani* government's one-year anniversary programme, brought together more than 163 federal, state and related agencies to become a one-stop centre for providing services to

the people.

The highlights of the three-day programme were the Mega *Madani* Sale and Agro *Madani*, where visitors seized the opportunity to purchase necessities such as rice, eggs and chicken at lower prices.

– Bernama

Rencana

Utusan Malaysia
SELASA • 27 FEBRUARI 2024

14

FATIMAH
MOHAMED
ARSHAD

SETIAP polisi baharu yang akan dilancarkan perlu kertas putih terperinci menggariskan objektif, strategi, kos dan faedah, implikasi kepada industri dan semua pihak berkepentingan. Juga meramal sebarang kebarangkalian tentangan dan langkah membidasnya.

Untuk lebih adil, konsultasi dengan pihak berkepentingan seperti petani, pengilang, peniaga dan pengguna untuk mendapatkan perspektif masing-masing untuk memurnikan sebarang kontradiksi dan ketidakserasian.

Maka, tidak menghairankan ia mencetuskan kontroversi, persoalan dan keresahan dari rakyat. Apakah jalan penyelesaian ke atas masalah Beras Putih Malaysia Madani (BPMM) ini? Jawapannya tersirat dalam isu pokok masalah ini iaitu kenaikan harga beras dunia dan masalah beras campuran dalam negeri.

Kenaikan harga import melebihi harga purata mencecah AS\$669/tan (Januari 2024) dan kini menurun AS\$615/tan pada 14 Februari 2024. Dalam pasaran terbuka, turun naik dalam jangka pendek adalah fenomena normal.

Mengikut ramalan beberapa institusi seperti Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), walaupun harga mula menurun, namun besar kemungkinan akan berada di tahap yang tinggi kerana kesan El Nino dan juga masalah kekurangan air yang ketara di Sungai Mekong yang mempengaruhi pengeluaran di Vietnam, Kemboja dan Laos.

Pembinaan 11 empangan di China juga telah menghauskan air sungai ini. Kenaikan harga dunia adalah di luar kawalan negara kerana Malaysia hanya pemain kecil dalam pentas beras dunia. Perbezaan wujud antara harga beras tempatan (SST5%) yang ditetapkan pada RM2.60/kg berbanding harga beras import diapungkan yang kini mencapai antara RM3 - RM3.60/kg.

Perbezaan harga ini mendorong kegiatan campuran beras secara haram untuk meraih keuntungan. Walaupun kegiatan campuran telah dilaksanakan oleh peserta industri sekian lama, kali ini situasi lebih buruk



ISU pokok masalah beras putih ialah kenaikan harga beras dunia dan masalah beras campuran dalam negeri. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Cabaran tangani isu beras putih tempatan

kerana beras SST5% dikatakan tiada dalam pasaran. Yang ada hanya beras import.

Walhal Malaysia mengeluarkan 65 peratus beras keperluan tempatan (1.6 juta tan), namun beras ini disorok dan disimpan oleh pengilang atau peniaga untuk menunggu harga yang sesuai untuk melepaskan stok bagi meraih keuntungan.

Pengguna miskin perlu membayar harga tinggi ke atas beras import. Nyata, masalah sorok beras adalah binaan polisi kerajaan yang melaksanakan polisi harga yang berbeza antara beras tempatan dan import. Dalam pasaran terbuka (tiada kawalan dan monopoli import), harga dalam negeri dan import akan berada dalam keseimbangan dan kegiatan sorok dan arbitraj adalah minimum.

Sebelum ini kerajaan mengharamkan beras campuran. Tetapi dengan polisi BPMM, ia sebaliknya menghalalkan campuran dengan menyeragamkan harga kedua-dua beras import dan tempatan pada paras RM3.50/kg.

Bererti pengilang dan peniaga kini bebas mencampurkan kedua-dua beras tersebut. Penetapan harga akan mengherotkan pasaran dan melemahkan industri kerana penggunaan sumber tidak cekap. Setelah

harga padi dan beras tempatan dikawal selama 50 tahun, ia menampilkan simptom deindustrialisasi yang serius seperti kelembapan, tiada inovasi dan tiada pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana dan pelbagai lagi.

Senjata atasi kegiatan haram mencampurkan beras adalah data. Data terperinci dan terkini akan mendedahkan segalanya.

Sayangnya fungsi untuk mengumpul dan memiliki data telah diserahkan kepada BERNAS walaupun kerajaan bertanggungjawab sepenuhnya. BERNAS memerlukan data untuk memaksimumkan perniagaannya.

Kerajaan memiliki fungsi sosial-ekonomi yang lebih besar. Ini termasuk memantau penawaran, permintaan dan harga, meneliti stok dan stokpail beras dalam negeri, memantau perilaku seperti penyelewengan, sistem amaran awal dan sebagainya.

Maka, kerajaan perlu memiliki data industri padi untuk pembuatan keputusan yang berlandaskan fakta. Kerajaan perlu menggunakan data profil peserta industri terutama pengilang, peniaga dan BERNAS. Data ini termasuk maklumat pengilang, peniaga, kilang, pengeluaran beras dan kategori yang dikeluarkan

oleh setiap kilang, inventornya dari semasa ke semasa.

Data yang sama dikumpul daripada BERNAS untuk beras import dan peniaga. Data ini akan menunjukkan kuantiti dan kualiti atau gred beras tempatan sama ada SST5%, SST 10% dan beras hancur, gred beras import dan sebagainya.

Pegawai merinyu kerajaan perlu ditugaskan untuk turun padang memantau data dan pembungkusan beras di kilang dan memastikan ia selari dengan laporan. Penguatkuasaan berlandaskan data dan undang-undang adalah kemestian untuk memantau penyelewengan.

Data daripada pemborong dan peruncit merangkumi profil dan perniagaan beras, jumlah dan komposisi belian. Daripada usaha ini, kerajaan dapat mengesan secara tepat aliran beras dalam rantaian bekalan.

Usaha ini memang remeh, tetapi dengan bantuan pakar, ia dapat dilaksanakan dengan mudah. Sebagai permulaan, pesampelan rawak digunakan untuk mengumpul data. Pemantauan ini akan menjadi lebih cekap dan tepat jika aplikasi sensor dibina untuk mengesan kualiti beras.

Usaha sebegini akan diminimumkan beras campuran dan pengguna miskin dapat membeli beras

tempatan. Untuk jangka masa terdekat, dua ke tiga tahun ini, dicadangkan supaya subsidi output menggantikan subsidi input iaitu subsidi berdasarkan output atau kuantiti dan kualiti padi yang dikeluarkan.

Dengan cara ini, pesawah terdorong untuk mengeluarkan padi yang bermutu tinggi pada kos yang rendah. Tetapi kerajaan perlu sokong dari segi pengiraan yang cekap, pasaran benih yang lebih bersaing, sokongan teknologi termaju dan kemudahan kredit. Ini iakan meningkatkan kuantiti dan kualiti padi yang dikeluarkan lantas mengurangkan beras import.

Dengan harga minimum terjamin yang setimpal dengan kualiti, maka harga runcit juga perlu disemak selari dengan harga padi. Apabila beras tempatan berkualiti dan mencecah harga yang tinggi, kerajaan perlu mengawal import untuk mempertahankan harga dalam negeri.

Sokongan padu tambahan perlu diberi kepada petani secara berterusan untuk meningkatkan produktiviti dan kapasiti pengeluaran. Ini termasuk pasaran benih yang bersaing, mesin, jenterai pintar yang mesra sawah kecil, pengeluaran baja di sawah atau tempatan, kilang beras kecil untuk pesawah, gerakan koperasi pesawah yang efektif, khidmat pengembangan dan monopoli import dihapuskan.

PROFESOR Datin Paduka Dr. Fatimah Mohamed Arshad ialah Felo Perunding dan Pemegang Kursi Keterjaminan Makanan Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan, UPM.

SOLVING RICE SUPPLY WOES

'FOCUS ON LONG-TERM FOOD SECURITY'

Being self-sufficient will protect nation from fluctuating prices, says Fomca

MLIA MARSYA ISKANDAR
 KUALA LUMPUR
 ylliamarsya@nst.com.my

THE government should pursue a long-term policy towards food self-sufficiency to solve the issue of padi and rice price fluctuations, said the Federation of Malaysian Consumers' Associations (Fomca).

Its secretary-general, Datuk Dr Paul Selva Rai, said the government should stop its piecemeal approach when dealing with agricultural issues related to food.

He said if Malaysia was more food self-sufficient, its supplies would be less vulnerable to economic challenges, such as the depreciating ringgit.

"We require a comprehensive food security policy to ensure that essential food items are available and affordable for consumers. Especially for essential food, we need to be more self-sufficient."



Azahri Hariff, 46, showing his rice harvesting machine that's bogged down in thick mud caused by dryer than usual weather at his farm in Balik Pulau, Penang, yesterday. He says he will have to bear the cost of hiring labourers to harvest the padi by hand. BERNAMA PIC

On Sunday, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said he had given the National Action Council on Cost of Living (Naccol) and the Agriculture and Food Security Ministry until March 20 to resolve padi and rice price issues.

He said people were feeling the pinch of increasing imported white rice price caused by rice-producing countries banning exports of the grain.

This has increased demand for cheaper local white rice, which has resulted in shortages.

Anwar said if padi farmers switched to other crops to boost their revenue, the country's food security would suffer.

Consumers Association of Penang education officer N.V. Subbarow said Naccol should have discussions with farmer groups before deciding on any policies.

"Farmers are facing an extreme burden on growing padi. Water and padi seed prices have increased."

"They feel cheated. The price of rice must be fair to farmers. They are the growers. Give them a fair price. There is no point in getting comments from rice millers," he said.

Subbarow suggested that the government subsidise rice for B40 groups and padi seeds for farmers.

greater self-sufficiency in food production so that we can control prices. When we heavily rely on food imports, every price increase poses a significant challenge, especially considering our low ringgit value.

"As a result, imported food becomes expensive. So we urgently require a comprehensive, long-term policy," he said.

"We are so dependent on imported food, even for rice. Why are we still at 60 per cent rice self-sufficiency?"

Selva Raj said Malaysia had been plagued by food security issues in recent years.

"We need to address this fundamentally, especially concerning rice, which we regard as a sensitive subject due to the need

to support farmers and consumers. But there are so many positive policies that can go ahead. So what's taking so long?"

Selva Raj said dependence on food imports could lead to significant price hikes, especially exacerbated by the weakening value of the ringgit.

"The bigger issue is achieving

27/2/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

35

El-Nino tidak jejas sektor perikanan di Pulau Pinang

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA
utusannews@medianulla.com.my

BUKIT MERTAJAM: Fenomena El-Nino atau cuaca panas melampau yang melanda negara ketika ini termasuk di Pulau Pinang dianggap tidak menjejaskan sektor perikanan khususnya membabitkan akuakultur.

Pengarah Jabatan Perikanan Pulau Pinang, Zarina Zainuddin berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima sebarang laporan berkaitan kematian spesies ikan air tawar di sini.

"Berbeza dengan ikan di laut (yang tinggal di kawasan perairan terbuka), ikan sangkar atau kolam (spesies air tawar) tidak boleh berhijrah akibat suhu air meningkat (disebabkan cuaca panas) hingga mengakibatkan berlakunya kematian.

"Jadi, dalam hal ini, kami sentiasa turun melawat ke ladang (kolam) akuakultur selain membuat libat urus bersama para penternak (jika ada isu berbangkit mengenai ternakan mereka)," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Zarina berkata, pihaknya mencadangkan kepada penternak untuk kerap menukar sistem peredaran air atau 'water circulation' di kolam atau sangkar masing-masing ketika sepanjang tempoh cuaca panas.

Selain itu, menurut beliau, para penternak turut dimasihatkan supaya membuat kadar tebaran rendah iaitu mengu-



SEKTOR perikanan khususnya melibatkan akuakultur di Pulau Pinang tidak begitu terjejas meskipun turut berdepan ancaman El-Nino kerana pemantauan serta sesi libat urus sentiasa dilakukan secara berkala oleh Jabatan Perikanan Pulau Pinang.

rangkan kepadatan (density) ikan memandangkan risiko ternakan untuk mati dan mendasap penyakit adalah tinggi ketika cuaca panas melampau.

"Kami juga memberi cadangan supaya mereka mengagihkan operasi ternakan (jika berisiko), mengurangkan kadar pemberian makan ikan serta menggalakkan mereka menuai ikan yang mencapai saiz pasaran untuk dipasarkan lebih awal.

"Pada masa sama, mereka juga dicadangkan untuk menutup sebahagian kawasan ternakan iaitu sangkar atau kolam

dengan 'net' (jaring) hitam selain memindahkan sangkar ke kawasan yang lebih dalam sebagai langkah berjaga-jaga," ujar beliau.

Tambah Zarina, sebagai antara langkah pencegahan awal pula, penternak dinasihatkan untuk mengambil benih-benih ikan yang bersaiz besar sahaja.

Katanya, ini bagi mengurangkan tempoh ternakan dan risiko kematian, yang secara tidak langsung juga dapat meningkatkan hasil pengeluaran serta keuntungan.

"Penternak atau pengeluar (produk) akuakultur ini turut di-



ZARINA ZAINUDDIN

galakkan untuk menerima pakai teknologi terkini bagi menghadapi perubahan iklim dan sebagainya," jelas Zarina.

27/2/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

31

'Gadis anggur' tolak belajar di IPT

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD
utusannews@mediamulla.com.my

JERANTUT: Walaupun mempunyai kelulusan baik dalam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) tetapi gadis ini menolak tawaran ke institusi pengajian tinggi (IPT) kerana 'sudah jatuh cinta' dengan projek tanaman anggur.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Sharifah Irdina Syed Norhaimi, 21, semuanya bermula selepas melihat projek tanaman anggur diusahakan ayahnya, Syed Norhaimi Syed Zin sejak tahun lalu berjaya sekali gus menjadi destinasi pelancongan baharu di bandar ini.

Menurut Sharifah atau terkenal jolokan 'gadis anggur' itu, dia menjadi pembantu sepenuh masa ayahnya bagi menjaga anggur yang diusahakan di Pusat Pertanian Temin (PPT) di sini.

"Projek tanaman anggur

di PPT kini menjadi tumpuan pelancong tempatan. Setiap hari, tidak kurang 200 orang datang untuk melihat tanaman anggur sebanyak 20 jenis yang sedang berbuah lebat di sini.

"Kini saya tidak menyangka ingin melayan pelancong yang ingin tahu cara penanaman dan penjagaan anggur yang selama ini dianggap sebagai tanaman musim sejuk," katanya ketika ditemui semalam.

Sharifah Irdina, anak bongsu daripada empat adik beradik berperanan sebagai pegawai perhubungan kepada pelancong tempatan di PPT terbabit.

Jelasnya, dia akan menerangkan berkaitan cara-cara tanaman anggur dan kerjaya tersebut kini begitu diminatinya.

"Kebanyakan pelancong yang hadir ke sini begitu kagum dan tidak menyangka tanaman anggur boleh hidup subur di

negara beriklim khatulistiwa seperti Malaysia," katanya.

Antara jenis anggur dinam adalah Heliodor, Jubilee, Velez, Dixon, Rumba, Baikonur, Jupiter, Lorano, Beauty Krasotka, Krasava, Ninel, Bana, Golden Musqat, Faith dan Monte Cristo.

"Projek tanaman anggur di PPT bermula April 2022 dan kini pokok berusia setahun 10 bulan ini sudah dua kali berbuah dan cukup manis," katanya.

Sharifah Irdina berkata, fokusnya pada ketika ini adalah bagi melaksanakan projek tanaman anggur berskala besar di PPT kerana terbukti tanaman itu boleh hidup subur walaupun cuaca panas.

Menurutnya, lebih menarik keluarganya turut menawarkan masakan berasaskan anggur antaranya seperti nasi goreng anggur, laksa anggur dan sambal anggur.



SHARIFAH IRDINA Syed Norhaimi menunjukkan buah anggur yang diusahakan keluarganya di Pusat Pertanian Temin (PPT) di Jerantut semalam. - UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD

Price Catcher juga gagal kesan beras tempatan

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
budulisa@medemula.com.my

SEREMBAN: Isu ketiadaan beras tempatan di pasaran tidak dapat dinafikan malah aplikasi mudah alih Price Catcher yang dibangunkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) juga didapati tidak lagi mempamerkan perbandingan di antara harga beras tempatan di pasaran.

Pemerhatian *Utusan Malaysia* semalam menerusi aplikasi berkenaan juga mendapati tiada data harga untuk untuk dua jenama beras putih tempatan (SST) diperoleh apabila pencarian dilakukan mengikut kategori bagi seluruh daerah di negeri ini.

Keadaan tersebut bukan hanya berlaku ketika ini, namun sudah berlarutan sejak ketiadaan bekalan beras tempatan pada tahun lalu.

Pengarah KPDN Negeri Sembilan, Muhammad Zahir Mazlan ketika dihubungi turut mengesahkan ketiadaan data perbandingan harga untuk beras tempatan di aplikasi berkenaan.

Menurut beliau, ketiadaan perbandingan harga itu dikesan selepas Pegawai Pemantau Harga KPDN yang ditugaskan mendapati tiada bekalan beras tempatan di pasaran.

Price Catcher adalah aplikasi mudah alih yang memaparkan perbandingan harga lebih 400 barangan keperluan pengguna.

Ia dibangunkan bagi membantu pengguna menjimatkan masa masa dan kos untuk membuat perbandingan harga seterusnya dapat merancang



KETIADAAN beras tempatan di pasaran menimbulkan keresahan kepada orang ramai yang mahu mendapatkan makanan ruji itu pada harga yang lebih murah.

perbelanjaan dengan memilih premis yang menawarkan harga berpatutan.

Antara ciri yang dimiliki aplikasi ini adalah carian mengikut kategori, lokasi atau perkataan, fungsi mengesan lokasi, perbandingan harga berdasarkan item serta pandu arah ke arah premis pilihan.

Sementara itu, Pegawai Komunikasi Persatuan Pelindung Pengguna Negeri Sembilan, A. Vijayakumaran berkata, isu ketiadaan bekalan beras tempatan

tidak boleh dibiarkan berterusan kerana rakyat sudah beberapa bulan mengeluarkan lebih belanja untuk membeli beras import.

"Saya sendiri keliru apa sebenarnya yang berlaku sehingga bekalan beras tempatan tidak mencukupi di pasaran. Jika isunya adalah bekalan, kerajaan mesti berikan tumpuan untuk pastikan bekalan beras tempatan berada di pasaran," katanya.

Baru-baru ini, Pengerusi Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), Datuk Syed Abu Huss-

in Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, kesukaran menemui beras tempatan berlaku angkara kartel.

Menurut beliau, ada pihak dalam industri beras atau kartel dipercayai cuba mengaut keuntungan daripada beras putih tempatan yang selama ini dijual pada harga RM26.

Bagaimanapun, kata Syed Abu Hussin, disebabkan mahu untung, banyak beras tempatan itu ditukar label menjadi beras import dan dijual sehingga RM40 ke RM45 bagi 10kg.

Jual beras putih Madani RM25.50 10kg

MARAN: Kerajaan dicadang menjual beras putih Malaysia Madani bagi kampil 10 kilogram (kg) pada harga bawah RM25.50 atau tidak melebihi RM26 supaya pelaksanaan program itu benar-benar membantu rakyat ketika kenaikan kos sara hidup.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Persatuan Beras Bumiputera Malaysia (Barin), Ismail Awang berkata, ia boleh dilaksanakan dengan cara harga beras tempatan RM2,250 satu metrik tan dan 80 peratus daripada jumlah itu atau RM1,800 ditanggung oleh pemborong beras.

Selebihnya beliau berkata, sebanyak 20 peratus atau RM450

adalah subsidi oleh kerajaan.

"Bagi kos-kos pemborong seperti kos plastik beg, kos pengangkutan dan lain-lain kos berjumlah RM2 serta menjadikan harga pemborong/pengampit kepada pengedar RM24 dan akhirnya beras putih Malaysia Madani boleh dijual bawah RM25.50 dan tidak lebih RM26 bagi kampil 10kg.

"Jika cadangan ini dapat dilaksanakan, rakyat tidak perlu membayar sehingga RM30 bagi kampil 10kg beras seperti mana cadangan asal program itu.

"Tentunya ia lebih menjimatkan perbelanjaan rakyat. Setiap 10kg beras, rakyat boleh

berjimat sebanyak RM4. Dalam keadaan kos sara hidup makin meningkat ketika ini, jumlah itu mahal buat rakyat khususnya bagi kalangan golongan kurang berkemampuan," katanya di sini semalam.

Jumaat lalu, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan berkata, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan mengetuai dan menyelaras sesi libat urus tentang cadangan beras putih Malaysia Madani secara lebih terperinci dengan segera.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, libat urus ini perlu mengambil kira harga belian

padi, faktor bekalan, harga beras import dunia, kemampuan bekalan beras tempatan serta kesan kepada pengguna.

Pada 14 Februari lalu, Pengerusi Majlis Tindakan Sara Hidup (Naccol), Datuk Seri Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal mengumumkan kerajaan memperkenalkan beras putih Malaysia Madani yang akan dijual dengan harga RM30 bagi kampil 10 kilogram bermula 19 Februari ini.

Syed Abu Hussin dilaporkan berkata, ekoran itu kategori beras putih tempatan (SST) dan beras putih import (SSI) dimansuhkan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/2/2024	HARIAN METRO	LOKAL	16



Padi tak jadi!

MUSIM panas dan taburan hujan kurang menyebabkan seorang petani sukar untuk menuai padi. Azahri Hariff, 46, kini merenung nasibnya apabila jentera menuai padi tidak dapat menuai padi berikutan tanah menjadi liat akibat cuaca panas dan taburan hujan rendah yang menyebabkan jentera tersangkut di kawasan bendangnya di Sungai Burung, Balik Pulau, Pulau Pinang. Beliau berdepan masalah terbahit pada setiap kali musim menuai padi sejak dua tahun lalu. Azahri mempunyai 37 ekar sawah padi di fasa 3 kawasan Sungai Burung terpaksa menanggung kerugian beribu-ribu ringgit untuk menyewa jentera menuai padi, tetapi tidak dapat menuai padi akibat tanah liat. Azahri sedih memaklumkan sekiranya jentera itu tidak dapat menuai padi, beliau terpaksa mengeluarkan modal yang banyak bagi mengupah orang menuai secara manual. Azahri meminta pihak bertanggungjawab mengkaji semula sistem jadual pengaliran air ke sawah supaya petani dapat menuai padi tanpa masalah. Tambahnya lagi, beliau meminta pihak bertanggungjawab menyerahkan jadual pengaliran air ke fasa 2 dan fasa 3 serentak di kawasan Sungai Burung bagi mengelakkan masalah dihadapinya. Sekarang fasa 3 mendapat pengaliran air terakhir selepas fasa 1 dan fasa 2 yang menyebabkan musim menuai padi mengalami masalah akibat faktor cuaca.



SEORANG pekerja syarikat pembersihan Mohd Rosol Mohd Iqbal menggunakan mesin penyembur angin untuk mengumpul daun kering luruh sebelum dilupuskan di sekitar kawasan Sentambu, Kuantan, Pahang. Menurut Mohd Rosol, kerja membersihkan daun kering makin kerap dijalankan memandangkan ia banyak luruh pada musim panas.



KEADAAN tapak pelupusan sampah Lubok Jong, Pasir Mas, Kelantan yang terbakar sejak kelmarin. Anggota Bomba dan Penyelamat (BBP) Pasir Mas masih giat melakukan kerja pemedaman dan membuat pemeterakan kawasan bagi mengelakkan api merebak. Punca kebakaran masih di tapak pelupusan terbahit masih dalam skasatan.